

**2021**

# **LATIHAN PENGAYAAN PBD AKHIR TAHUN**

## **BAHASA MELAYU PEMAHAMAN TAHUN 3**

**NAMA** : \_\_\_\_\_

**KELAS** : \_\_\_\_\_

**SEKOLAH** : \_\_\_\_\_

## BAHAGIAN A

Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Pilih jawapan yang betul.

1.



Ayah \_\_\_\_\_ adik menunggang basikal pada waktu petang.

A. mengajak

C. mengajar

B. mengayuh

D. mengejar

2. Faris mengayuh basikal dengan berhati-hati. \_\_\_\_\_ hendak ke rumah Danial.

A. Dia

C. Beliau

B. Mereka

D. Kami

3. Encik Zaid seorang \_\_\_\_\_. Dia bekerja di syarikat ukur itu sejak lima tahun yang lalu.

A. juruhebah

C. jurujual

B. juruukur

D. juruhias

4. Akmal makan tiga \_\_\_\_\_ durian yang dibeli oleh ayah.

A. ketul

C. biji

B. das

D. ulas

5.



Raidah sedang \_\_\_\_\_ pinggan di dapur.


A mencuci

C mengelap

B membasuh

D menyusun

6.



Syasya \_\_\_\_\_ tidur walaupun hari telah tinggi.

A masih

C sedang

B pernah

D akan

7.



Adik menangis \_\_\_\_\_ kerana perutnya sakit.


A terpinga-pinga

C terketar-ketar

B teresak-esak

D tersedak-sedak

8.



Kapal itu sedang \_\_\_\_\_.

A. berenang

B. bergerak

C. belayar

D. berjalan

9.



Rambut Hanis kelihatan \_\_\_\_\_.

A. kusut

B. panjang

C. hodoh

D. busuk

10.



Setiap pagi, Dannis akan \_\_\_\_\_.

- A. bergurau
- B. bersenam
- C. berjalan
- D. berlatih.

11.




Pak Munir tidak \_\_\_\_\_ guni beras yang berat itu.

- A. terjunjung
- B. terangkat
- C. tergolek
- D. terbimbit

12. Saya akan ke bandar \_\_\_\_\_ hari tidak hujan.

- A. jika
- B. hingga
- C. walaupun
- D. tatkala

13. Tiada siapapun tahu akan \_\_\_\_\_ orang tua itu.  
A. siapa-siapa  
B. apa-apa  
C. asal-usul  
D. api-api
14. \_\_\_\_\_ Dr. Nasir berhampiran dengan rumah saya.  
A. Poligram  
B. Poligami  
C. Poliklinik  
D. Politeknik
15. Bungkusan itu ditujukan \_\_\_\_\_ Puan Noranizah.  
A. akan  
B. kepada  
C. pada  
D. ke
- 16.



- \_\_\_\_\_ badak sedang berkubang di tepi sungai yang cetek itu.  
A. Sekawan  
B. Sedas  
C. Sekaki  
D. Seekor

**Soalan 17 dan soalan 18**

**Pilih simpulan bahasa yang paling sesuai untuk diisikan ke dalam tempat kosong dalam ayat yang di bawah ini.**

- 17. Maniam dimarahi Puan Siti kerana tulisannya yang buruk seperti \_\_\_\_\_.**
- A. cakar rimau**
  - B. anak emas**
  - C. cakar ayam**
  - D. cacing kepanasan**
- 18. Kamelia membawa ibu bapanya \_\_\_\_\_ ke Bukit Fraser.**
- A. makan hati**
  - B. makan hidangan**
  - C. makan angin**
  - D. makan suap**

Soalan 19 hingga soalan 20

Pilih perkataan seerti bagi perkataan yang diberi.

19. Kota Belud sangat terkenal dengan pasar tamu.

A. besar

C. kaya

B. masyhur

D. maju

20. Mereka berpeluang menyaksikan perlawanan bola sepak di antara Selangor dan Perak secara langsung di televisyen.

A. berfaedah

C. beroleh

B. berkesempatan

D. Berjaya

## BAHAGIAN B

### Soalan 21

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

|        |        |
|--------|--------|
| Supaya | sambil |
| kerana | sejak  |

- a) Fahmi tidak hadir ke sekolah \_\_\_\_\_ kakinya masih sakit.
- b) Cikgu Hafiz selalu menasihati murid-muridnya \_\_\_\_\_  
belajar dengan bersungguh-sungguh.
- c) Doktor Annatul bertugas di hospital itu \_\_\_\_\_ empat tahun yang  
lalu.
- d) Amirah mengetuk pintu rumah \_\_\_\_\_ memanggil ibunya.

( 8 markah )